Berdimari

BUKU KERJA BAHASA MELAYU

Berdasarkan Buku Teks KSSR SEMAKAN

# BAHASA MELAYU

## SJKC

## 国文 5A

**100%** Berdasarkan Buku Teks Baharu

KSSR (SEMAKAN 2017)

- Menepati kehendak **KSSR Semakan** dan **DSKP**
- Menerapkan **Soalan KBAT**
- **Kamus Mini** Maksud dalam Bahasa Cina
- **Penilaian Tema** (Tema 1-4) Berpandukan Format Penilaian
- **Penilaian Pertengahan Tahun** merangkumi semua topik buku teks
- **Jawapan lengkap** disediakan

SUMBER DIGITAL

Nama: Kelas: Sekolah:

CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Hari: Tarikh:



## MODUL DSKP Tatabahasa DSKP 5.1.1(i)(ii)

**A** ***Lengkapkan ayat dengan kata nama am yang betul.***

| jeti | sepupu | restoran | hidangan | pelayan |
|---|---|---|---|---|

1 Kakak dan ibu sedang berbual di atas ____________ sambil memandang ke laut.

2 Kami sekeluarga gemar menjamu selera di ____________ makanan laut.

3 Mak Cik Lam mempersilakan kami menikmati ____________ yang disediakan.

4 Saya sering menghubungi ____________ saya yang tinggal di luar negara menerusi e-mel.

5 Abang Lim bekerja sebagai ____________ di restoran itu secara sambilan.

**B** ***Garisi kesalahan kata nama khas. Kemudian, betulkan.***

1 Nisha sekeluarga pergi ke Rompin dengan menaiki kereta proton exora.

| Pembetulan | |
|---|---|

2 Tina dan adiknya sedang memandikan kucing kesayangan mereka, si boboi.

| Pembetulan | |
|---|---|

3 Encik Tan dan Puan May berjanji untuk membawa anak-anak mereka bercuti ke pulau kapas pada bulan hadapan.

| Pembetulan | |
|---|---|

4 Ayah saya dan rakan baiknya, iaitu cef azman sudah bertugas di hotel itu selama sepuluh tahun.

| Pembetulan | |
|---|---|

| KAMUS MINI | jeti: 小渡头 | hidangan: 食品/款待物 | pelayan: 侍者 |
|---|---|---|---|

| Tahap Penguasaan | Sangat terhad | Terhad | Memuaskan | Baik | Sangat baik | Cemerlang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |



LIVEWORKSHEETS

# Unit 2 Keluarga Bestari

MODUL DSKP Membaca DSKP 2.1.2

*Baca petikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan berikutnya.*

## Pustaka Mini di Rumah

Chan Li dan keluarganya bercadang untuk **mewujudkan** sebuah **pustaka** mini di rumah mereka. Sebuah bilik khas akan dijadikan pustaka mini tersebut.

Keluarga Chan Li bekerjasama menjayakan misi tersebut. Ibu Chan Li **menghias** pustaka itu dengan hiasan yang cantik. Ayah Chan Li pula membina rak buku serta membeli **kelengkapan** yang diperlukan. Sementara itu, Chan Li dan abangnya mengemas pustaka mini itu supaya kemas dan teratur.

Setelah pustaka mini itu siap, Chan Li dan abangnya sering membaca buku dan majalah pada masa terluang di pustaka itu. Selain itu, mereka juga menyiapkan tugasan sekolah di situ.

Pustaka mini itu amat bermanfaat kepada seisi keluarga Chan Li. Sejak adanya pustaka mini itu, pencapaian Chan Li dan abangnya semakin meningkat dalam pelajaran mereka. Selain itu, hubungan mereka sekeluarga juga bertambah erat.

'adankan makna perkataan.

| Perkataan |
|---|
| mewujudkan |
| pustaka |
| menghias |
| kelengkapan |

| Makna |
|---|
| (a) peralatan atau perkakas |
| (b) mengadakan |
| (c) perpustakaan |
| (d) menjadikan sesuatu lebih cantik atau elok |

Pada pendapat kamu, mengapakah Chan Li dan abangnya suka melakukan ıktiviti di pustaka itu? KBAT

| | Sangat terhad | Terhad | Memuaskan | Baik | Sangat baik | Cemerlang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ıap ɔsaan | | | | | | |



CS CamScanner
LIVEWORKSHEETS

Hari: ______________ Tarikh: ______________



## MODUL DSKP Menulis DSKP 3.2.1

*Tulis pendapat berdasarkan Peta Alir.* KBAT

### Usaha Tangga Kejayaan

Faktor Kejayaan Kakak Yi Wen




1 Nyatakan pendapat kamu tentang faktor kejayaan kakak Yi Wen.

______________________________________________________________

______________________________________________________________

2 Adakah keluarga memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang? Berikan pendapat kamu.

______________________________________________________________

______________________________________________________________

| | | | |
|---|---|---|---|
| **KAMUS MINI** | usaha: 努力 | naik pangkat: 升职 | peranan: 角色 |

| Tahap Penguasaan | Sangat terhad | Terhad | Memuaskan | Baik | Sangat baik | Cemerlang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |

Hari: ______ Tarikh: ______



## MODUL DSKP Tatabahasa DSKP 5.1.1(iii)

**A** ***Pilih kata ganti nama yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam dialog di bawah.***

| siapa | mana | saya | mereka | kamu | apa |
|---|---|---|---|---|---|

Lian : Kamu menonton video apa, Aziz?

Aziz : 1 ______ menonton video Majlis Anugerah Keluarga Bestari.

Lian : Anugerah itu dimenangi oleh keluarga 2 ______ ?

Aziz : Anugerah itu dimenangi oleh keluarga Encik Chan Ah Meng.

Lian : Keluarga itu berasal dari 3 ______ ?

Aziz : 4 ______ berasal dari Sepang, Selangor.

Lian : Apakah keistimewaan keluarga itu?

Aziz : Semua anggota keluarga itu berjaya dengan cemerlang dalam bidang masing-masing.

**B** ***Tulis* BETUL *atau* SALAH *bagi penggunaan kata ganti nama yang bergaris dalam ayat.***

| | | |
|---|---|---|
| 1 | "Kalian mahu pergi ke mana?" tanya Musa kepada adiknya. | |
| 2 | "Kamu mesti patuh akan nasihat guru," kata Puan Yee kepada anaknya. | |
| 3 | Ayah Lili mahu pergi ke Jepun. Beliau pergi ke situ kerana urusan kerja. | |
| 4 | Puan Zeti dipilih sebagai Tokoh Ibu Gemilang. Dia bertugas sebagai guru. | |

**KAMUS MINI** keistimewaan: 特点 urusan kerja: 公事 tokoh: 名人

| Tahap Penguasaan | Sangat terhad | Terhad | Memuaskan | Baik | Sangat baik | Cemerlang |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |



LIVEWORKSHEETS